

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	WANITA MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA JANGAN TAKUT BUAT ADUAN - NANCY		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/716007/berita/nasional/wanita-mangsa-keganasan-rumah-tangga-jangan-takut-buat-aduan---nancy	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	NANCY DEDAH RAHSIA EMPAT PENGGAL KEKAL JADI AHLI PARLIMEN		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/715973/berita/nasional/nancy-dedah-rahsia-empat-penggal-kekal-jadi-ahli-parlimen	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	JKM CARI IBU TIGA BERADIK HILANG SEJAK ENAM TAHUN LALU		NEUTRAL
	https://www.sinarharian.com.my/article/716027/edisi/selangor-kl/jkm-cari-ibu-tiga-beradik-hilang-sejak-enam-tahun-lalu	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	OKU BUKAN TIKET MELEPASKAN DIRI		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/oku-bukan-tiket-melepaskan-diri	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	BANTU OKU YANG MEMERLUKAN		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2025/03/bantu-oku-yang-memerlukan/	UTUSAN.COM.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	PELUANG OKU JANA PENDAPATAN DALAM BIDANG KULINARI		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/03/pejuang-oku-jana-pendapatan-dalam-bidang-kulinari/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	MY SAY: REFRAMING NARRATIVES ON WOMEN AND DEVELOPMENT		POSITIF
	https://theedgemalaysia.com/node/746464	THEEDGEMALAYSIA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	KES DERA MATI BUDAK TIGA TAHUN, SUAMI ISTERI DISAMBUNG REMAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193568/kes-dera-mati-budak-tiga-tahun-suami-isteri-disambung-remam	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita mangsa keganasan rumah tangga jangan takut buat aduan – Nancy



MOHD FAIZUL HAIKA MAT KHAZI

Follow

05 Mac 2025 01:49pm



Nancy (dua dari kiri) ketika menjadi tetamu rancangan bual bicara Borak Bibir Merah anjuran Sinar Harian di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

SHAH ALAM - Golongan wanita digesa jangan teragak-agak untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa jika mereka menjadi mangsa penderaan mental, fizikal dan keganasan rumah tangga.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, golongan wanita tidak perlu takut untuk bangkit melawan keganasan rumah tangga dan perlu memahami hak-hak mereka.

Nancy berkata, tindakan berkenaan perlu susulan terdapat peningkatan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan berlaku di Malaysia setiap tahun.

"Keganasan rumah tangga ini bukan hanya berlaku kepada wanita yang sudah berkahwin, malah wanita yang belum berkahwin juga berisiko. Oleh itu, wanita harus berani untuk membela diri dan mengenali hak mereka.

"Banyak wanita yang mungkin merasa takut untuk melaporkan keganasan atau penderaan yang mereka alami kerana takut dipukul atau dibuli lebih teruk.

"Saya sering bercakap dengan wanita yang belum berkahwin – kalau anda belum ada teman lelaki, garang-garang sikit! Walaupun dia 'handsome', itu tidak bermakna anda harus menerima perlakuan yang tidak baik," katanya.



Nancy (dua dari kiri) ketika menjadi tetamu rancangan bual bicara Borak Bibir Merah anjuran Sinar Harian di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika menjadi tetamu istimewa rancangan bual bicara Borak Bibir Merah anjuran Sinar Harian di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Rancangan yang dihos oleh pelakon, pengacara dan penyanyi wanita, Ain Edruce, turut menampilkan dua tetamu undangan lain iaitu penyanyi Sissy Imann dan bekas peserta program realiti berunsur Islam, Da'if Izzhar Nazri.

Untuk rekod, berdasarkan statistik terkini dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan terdapat peningkatan kes keganasan rumah tangga pada tahun lalu berbanding 2023 dan 2022.

Pada tahun 2022, sebanyak 6,540 kes telah direkodkan, diikuti dengan 5,507 kes pada tahun 2023 manakala pada tahun 2024, sebanyak 7,116 kes dilaporkan.

Justeru, Nancy menegaskan adalah penting bagi wanita sendiri mempunyai kesedaran mengenai hak-hak mereka.

"Wanita tidak sepatutnya membenarkan diri mereka diperlakukan dengan cara yang tidak adil. Kita perlu tahu hak kita sebagai manusia dan wanita. Tiada siapa yang berhak untuk menzalimi kita," jelasnya.

Tambah beliau, beberapa inisiatif dilaksanakan Kementerian tersebut yang bertujuan memberi sokongan kepada mangsa keganasan rumah tangga.

"Kini, kita mempunyai undang-undang yang lebih tegas, termasuk Tribunal Anti-Gangguan Seksual (TAGS), yang membolehkan kes-kes gangguan seksual dan keganasan rumah tangga diselesaikan dengan cepat. Ini memberi ruang bagi wanita untuk mencari perlindungan dan keadilan," katanya.

Berikutan itu, Nancy menyeru agar wanita tidak takut untuk menggunakan saluran undang-undang sedia ada.

"Kita ada undang-undang untuk melindungi wanita dan anak-anak. Jangan takut untuk belajar mengenai hak-hak anda dan mencari bantuan apabila diperlukan," tambahnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nancy dedah rahsia empat penggal kekal jadi ahli Parlimen



MOHD FAIZUL HAIKA MAT KHAIZI

Follow

05 Mac 2025 11:21am



Nancy (dua dari kiri) ketika menjadi tetamu rancangan bual bicara Borak Bibir Merah anjuran Sinar Harian di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

KUALA LUMPUR – Sikap suka membantu dan sentiasa turun padang menjadi kunci utama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri mampu kekal sebagai Ahli Parlimen Batang Sadong, Sarawak, untuk tiga penggal berturut-turut sebelum kini bergelar Ahli Parlimen Santubong.

Menyingskap kembali sejarah pembabitan dalam dunia politik, Nancy berkata, sebelum menyertai politik beliau pernah berkhidmat Ketua Bahagian Undang-Undang Dewan Bandaraya Kuching Utara (1992-2003) sebelum terbahit dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan politik.



Nancy (dua dari kiri) ketika menjadi tetamu rancangan bual bicara Borak Bibir Merah anjuran Sinar Harian di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Berkongsi pengalaman peribadinya, Nancy berkata, beliau sebenarnya tidak pernah bermimpi menyertai politik, apatah lagi berimpian menjadi menteri kabinet seperti sekarang.

"Pada awalnya, saya tidak pernah terlintas langsung untuk memasuki dunia politik dan menjadi menteri, malah berpendapat kejayaan berkenaan bukanlah bidang ingin diceburi.

"Namun, perjalanan hidup saya dalam dunia politik bermula selepas dipelawa oleh Premier Sarawak, Allahyarham Tun Abdul Taib Mahmud untuk menyertai Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) dan bertanding di Parlimen Batang Sadong pada Pilihan Raya Umum 2008.

"Biarpun tanpa pengalaman dan bukan berasal dari situ, namun saya tetap bertanding dan selalu turun padang bersama NGO supaya dikenali penduduk setempat sekali gus menang kerusi Parlimen Batang Sadong buat pertama kali pada 2008," katanya ketika menjadi tetamu rancangan bual bicara Borak Bibir Merah anjuran Sinar Harian di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



Orang ramai khususnya mendengar perkongsian tetamu rancangan bual bicara Borak Bibir Merah anjuran Sinar Harian di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Rancangan yang dihos oleh pelakon, pengacara dan penyanyi wanita, Ain Edruce itu turut menampilkan dua tetamu undangan lain iaitu penyanyi Sissy Imann dan bekas peserta program realiti berunsur Islam, Da'i Izzhar Nazri.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, antara cabaran utama menjadi ahli politik adalah untuk membahagikan masa bersama keluarga, tugas sebagai wakil rakyat dan menteri.

"Sebagai wanita, kita perlu bijak menguruskan masa antara kerjaya dan keluarga. Jangan terlalu tertekan dengan persaingan yang ada.

"Sebaliknya, fokus pada diri sendiri, kekuatan diri dan pencapaian yang ingin dicapai. Kita tak perlu bersaing dengan orang lain, tetapi bersaing dengan diri sendiri untuk menjadi lebih baik setiap hari," ujarnya.

Tambahnya, kerajaan sentiasa berusaha untuk memperkasakan wanita dengan menyediakan pelbagai inisiatif yang membantu mereka mengimbangi kehidupan kerjaya dan keluarga.

Berikutan itu, Nancy berkata, kementeriannya memperkenalkan satu kursus khas bagi membantu suri rumah menguruskan rumah tangga mereka dengan lebih baik terutama mereka yang perlu menjaga warga emas dan anak kecil.

"Banyak wanita yang ingin bekerja, tetapi kos untuk mendapatkan penjaga yang berkemahiran tinggi adalah sangat mahal.

"Kerajaan sedang berusaha memberikan kursus kecakapan penjaga untuk membantu wanita ini," katanya.

Beliau menambah, penjaga yang berkemahiran tinggi dapat membantu wanita untuk kembali bekerja tanpa kebimbangan tentang kebajikan keluarga mereka.

"Saya juga berterima kasih kepada majikan yang sudi memberi kelonggaran kepada wanita untuk bekerja mengikut jadual fleksibel dan kerja dari rumah bagi membolehkan mereka mengimbangi tugas profesional dan tanggungjawab peribadi.

"Faktor-faktor ini amat penting untuk memastikan wanita dapat kembali ke dunia kerja dan mencapai matlamat negara untuk meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja kepada 60 peratus pada masa depan," jelas beliau.

Berikutan itu, Nancy berkata, kerajaan akan menyediakan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) yang menawarkan kaunseling profesional kepada individu yang mengalami tekanan mental dan emosi.

"Kita harus memberi perhatian terhadap masalah kesihatan mental yang semakin meningkat, terutamanya di kalangan wanita.

"Oleh itu, PSSS menawarkan talian bantuan dan kaunselor untuk memberikan sokongan kepada mereka yang memerlukan," kata Datuk Seri Nancy.

Beliau juga mendedahkan bahawa talian bantuan 15999 yang disediakan oleh kerajaan telah memberi sokongan kepada hampir 2,000 kaunselor di seluruh negara.

Katanya, kewujudan perkhidmatan berkenaan membolehkan wanita yang menghadapi tekanan atau kemurungan boleh mendapatkan bantuan dengan lebih mudah dan secara peribadi.

"Kita ingin memastikan bahawa setiap wanita mempunyai ruang untuk berbicara, mendapatkan sokongan dan merasa yakin bahawa mereka tidak berseorangan dalam menghadapi cabaran," tambah beliau.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM cari ibu tiga beradik hilang sejak enam tahun lalu



MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

Follow

05 Mac 2025 03:51pm



JKM sedang mengesan ibu kepada tiga beradik ini yang ditinggalkan sejak enam tahun lalu.

KUALA SELANGOR - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kuala Selangor sedang mencari ibu kepada tiga beradik yang kini berada dalam jagaan sementara selepas wanita itu gagal dikesan sejak enam tahun lalu.

Pelindung Kanak-Kanak, Munira Abd Aziz berkata, ibu mereka, Noradiana Rosdi, 33, dicari bagi menyelesaikan urusan penempatan tetap kanak-kanak terbabit.

Menurutnya, tiga beradik itu ialah Siti Nur Aidiani 13, Siti Nur Arjuna, 12, dan Nur Fatehah berusia lapan tahun.

"Kesemua mereka kini ditempatkan di institusi JKM sehingga 26 Mac ini," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Sehubungan itu, Munira merayu orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan ibu kanak-kanak terbabit diminta tampil memberi kerjasama kepada JKM untuk tindakan lanjut.

"Maklumat ini penting bagi memastikan kebajikan kanak-kanak terjamin dan urusan penempatan mereka dapat diselesaikan dengan sewajarnya," tambah beliau.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat boleh menghubungi Bahagian Kanak-Kanak di JKM Daerah Kuala Selangor di talian 03-3289 1495.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



OKU bukan tiket melepaskan diri

Kolumnis - Dicipta: 05 Mac 2025 11:32 AM - Kemas kini: 05 Mac 2025 11:38 AM



Foto hiasan/RTM

SAUDARA PENGARANG

Dalam mendepani pelbagai isu semasa yang kritikal, Islam hadir sebagai agama rahmat yang meleraikan belenggu masalah masyarakat dengan prinsip-prinsip utama seperti memberikan kemudahan dan menghilangkan kesukaran.

Penetapan sebarang tuntutan hukum syarak ke atas seseorang Muslim yang disebut sebagai taklif berkait rapat dengan tahap kemampuan diri seseorang sepertimana yang dinyatakan oleh Allah SWT menerusi surah al-Baqarah ayat 286. Tuntutan taklif ini merangkumi segala perintah dan larangan daripada Allah SWT.

Bagaimanapun, pemahaman masyarakat terhadap definisi "berkemampuan" bagi diri seseorang mempunyai tafsiran berbeza apatah lagi dengan bantuan kecanggihan teknologi semasa yang merapatkan jurang kecacatan dalam kemampuan tersebut.

Lantaran itu, Islam mendefinisikan berkemampuan dalam konteks al-ahliyyah iaitu kelayakan atau keupayaan diri seseorang dari segi mental dan fizikal serta bertanggungjawab untuk melaksanakan perintah syariat iaitu taklif yang dibebankan ke atas dirinya.

Melalui definisi ini, kemampuan diri seseorang tidak terhad kepada keupayaan fizikal semata-mata tetapi turut merangkumi keupayaan mental atau akal yang menjadi tunjang kebergantungan segala taklif.

Perkara ini dapat dilihat melalui perbincangan ilmuwan Islam seperti al-Ghazali dan Ibnu Qudamah yang mensyaratkan seseorang mukalaf (individu yang dipertanggungjawabkan dengan taklif) mestilah mempunyai kemampuan untuk memahami khitab iaitu tuntutan hukum syarak ke atas seseorang.

Hal ini kerana, sesuatu khitab dapat direalisasikan melalui hubungan simbiotik antara kefahaman terhadap khitab, pembentukan niat dan pelaksanaan tuntutan syariat tersebut.

Firman Allah SWT menerusi surah al-Isra' ayat 70 mafhumnya, "Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkat mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan."

Ulama tafsir termasuk al-Qurtubi mentafsirkan hakikat kemuliaan yang diberikan kepada manusia ialah kemampuan akal untuk membezakan antara perkara baik dengan buruk yang menjadi asas kepada keberkesanan urus tadbir kehidupan seharian.

Para ulama turut menjelaskan beberapa fungsi utama bagi akal seperti al-tamyiz iaitu kemampuan untuk membezakan baik dan buruk, al-fahm iaitu keupayaan untuk mencernakan kefahaman secara tepat dan menjangkakan kesan daripada sesuatu tindakan yang dilakukan olehnya.

Selain itu, dalam mengangkat kedudukan akal, tokoh teologi Islam, al-Taftazani juga menjelaskan bahawa keupayaan seseorang mencerap sesuatu kefahaman ilmu berasaskan daripada tiga sumber utama iaitu pancaindera yang sempurna, perkhbaraan yang benar dan kemampuan akal yang sempurna.

Hal ini menunjukkan, keterjelasan akal seseorang mampu mengurangkan tahap keupayaannya untuk mendapatkan sesuatu kefahaman dan sekali gus menjejaskan kedudukannya sebagai mukalaf dalam melaksanakan taklif.

Dalam konteks isu perubahan moden, masalah yang berada dalam kategori keterjelasan akal ini dapat dilihat melalui pesakit-pesakit kecelaruan mental, kognitif vaskular disebabkan strok, demensia termasuklah orang kelainan upaya (OKU) mental dan pembelajaran.

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), OKU dibahagikan kepada tujuh kategori utama iaitu OKU fizikal, OKU pendengaran, OKU penglihatan, OKU pertuturan, OKU pembelajaran, OKU mental dan OKU pelbagai.

Sesuatu penelitian dengan 'membakulkan' kesemua OKU terlepas daripada sebarang hukuman merupakan penelitian yang salah. Hal ini kerana, Islam meletakkan batu asas dalam menentukan liabiliti hukum ke atas diri seseorang berdasarkan kapasiti akal yang dimilikinya. Maka, daripada jenis-jenis OKU yang dinyatakan, OKU mental dan OKU pembelajaran merupakan kategori kelainan upaya yang menjejaskan kapasiti akal dengan tahap keterukan tersendiri.

Antara contoh bagi OKU pembelajaran ialah *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) dan *Global Development Delay* (GDD), manakala bagi OKU mental pula ialah kemurungan dengan gejala psikosis, skizofrenia dan demensia. Setiap penyakit ini mempunyai spektrum tahap keterukan berbeza yang boleh menjejaskan kedudukan taklif seseorang.

Misalnya bagi pesakit yang mengalami kemurungan pada tahap teruk dengan gejala psikosis iaitu delusi dan halusinasi tinggi, kemampuannya untuk memahami khitab akan terjejas dan mengugurkan taklif daripada dirinya. Sebaliknya bagi pesakit ADHD atau autisme yang berfungsi tinggi, meskipun mempunyai masalah keterjelasan mental, namun keadaan tersebut tidak mengganggu fungsi akal untuk memahami hukum syarak.

Sehubungan itu, hukum Islam menjelaskan bahawa terdapat tiga kesan ke atas hukum berdasarkan kapasiti akal seseorang sama ada dengan menetapkan taklif, mengugurkan sebahagian taklif dan mengugurkan keseluruhan taklif. Variasi hukum yang diberikan ini memerlukan penelitian yang tuntas ke atas seseorang pesakit OKU sebelum ditentukan hukuman ke atas dirinya.

Dalam meneliti keterjelasan akal seseorang, Imam al-Sarakhsi menjelaskan bahawa keadaan tersebut dapat dikesan melalui pengalaman (berurusan dengan pesakit) dan ujian (penilaian yang dilakukan ke atas dirinya).

Bidang perubahan moden telah membangunkan pelbagai penilaian untuk menentukan keadaan pesakit OKU dan keterjelasan mental lain seperti *Clinical Dementia Rating* (CDR) untuk menentukan tahap keterukan pesakit demensia dan *Montreal Cognitive Assessment* (MoCA) untuk menentukan domain kognitif yang terjejas.

Hal ini kerana, kapasiti akal merupakan suatu perkara yang implisit dan perlu diuji secara eksplisit agar penetapan hukum selari dengan keterbatasan pesakit.

Kesimpulannya, dalam menentukan hukuman ke atas pesakit, syariat meletakkan garis panduan tertentu termasuk penetapan syarat secara umum melalui kefahaman terhadap khitab dan dikhususkan dalam setiap perintah atau larangan. Misalnya, seseorang itu boleh dikenakan hukuman had zina sekiranya dia tahu hukum pengharaman zina tersebut tanpa disyaratkan untuk mengetahui hukuman yang akan dikenakan.

Selain itu, syariat juga mensyaratkan hukuman bagi seseorang yang mempunyai kemampuan untuk al-tamyiz dengan hukuman ta'zir, bertujuan untuk mendidik dan mencegah apabila seseorang itu melakukan perkara yang biasanya dilakukan oleh orang yang normal.

Hukuman ta'zir berbeza dengan hukuman hudud di mana hukuman hudud merupakan hukuman yang ditetapkan secara spesifik oleh syarak jenis dan kuantiti hukuman. Sebaliknya, hukuman ta'zir merupakan hukuman yang tidak ditentukan oleh syarak secara spesifik tetapi memberikan keluasan dan kapasiti kepada pihak berautoriti seperti hakim untuk menentukan hukuman.

Tujuan pencegahan daripada hukuman ta'zir bertujuan mengangkat prinsip syariat dalam menjaga kemaslahatan hidup bermasyarakat agar kesilapan yang sama tidak menjadi kebiasaan dan diulangi serta menjadi tiket berlepas diri daripada sebarang tuntutan syarak.

Akhir sekali, diagnosis pakar terhadap kemampuan akal pesakit diperlukan dalam penelitian hukum syarak sebelum menentukan sebarang hukuman melalui perbuatan dan tindakan yang dilakukan oleh pesakit.



Muhammad Taftazany Abd Rahman
Pembantu Penyelidik Pascasiswazah
Jabatan Fiqh dan Usul
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bantu OKU yang memerlukan



JABATAN Kebajikan Masyarakat (JKM) perlu segera menilai dan membantu keluarga yang memerlukan.

Oleh Meja Rencana 5 Mac 2025, 9:00 am

BARU-baru ini tersiar dalam akhbar arus perdana, kisah seorang bapa, Mohd. Nor Fezan Husain menguruskan anak orang kurang upaya (OKU) yang menghidap penyakit tulang belakang bengkok.

Anak-anaknya, Mohd Hamzi, 16, dan Mohamad Hakimi, 19, menghidap penyakit tulang belakang bengkok atau scoliosis sehingga menyebabkan hilang upaya berjalan.

Kata bapa itu, untuk menguruskan keperluan dua anak istimewanya, dia menghadapi kesukaran dalam rutin harian seperti memandikan dan memberi makan kepada mereka.

Mohd. Hamzi dan Mohamad Hakimi dilahirkan normal, namun ketika berusia sembilan tahun, mereka hilang keseimbangan badan untuk berdiri serta kerap terjatuh dan lama-kelamaan tidak lagi mampu berjalan dan hanya boleh mengesot.

Disebabkan penyakit itu juga, kedua-dua anaknya tidak sempat menghabiskan persekolahan berikutan kesukaran bergerak selain tidak mahu menyusahkan sesiapa.

Mohd. Hamzi hanya sempat menikmati alam persekolahan sehingga tingkatan satu, manakala abangnya, Mohamad Hakimi pula di tingkatan empat.

Katanya, bagi menampung keperluan dua anaknya itu, setiap bulan dia perlu menyediakan lebih RM1,000 untuk membeli lampin pakai buang dan keperluan perubatan yang lain.

Keluarga ini perlu berjimat cermat kerana pendapatan sebagai tukang rumah tidak menentu dengan kadar upah RM70 sehari yang digunakan untuk membeli keperluan dua anaknya serta makan minum sekeluarga.

Difahamkan keluarga ini ada membuat permohonan bantuan bulanan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan oleh yang demikian saya berharap JKM Cawangan Kelantan dapat menilai dan membantu keluarga malang tersebut. -UTUSAN

HAMBA ALLAH
Putrajaya

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Peluang OKU jana pendapatan dalam bidang kulinari



Oleh NUR EZZATUL HUSNA ZAINATUL RAHMAN 5 Mac 2025, 5:35 pm

PETALING JAYA: Kolej Komuniti Selayang (KKS) dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sosioekonomi (BPSe) Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICUJPM) membuka peluang kepada Orang Kurang Upaya (OKU) untuk menyertai program perniagaan kulinari.

Program ini dianjurkan di bawah inisiatif program keusahawanan kulinari bagi Orang Kurang Upaya (Centre4PwD), dengan penyertaan ditanggung sepenuhnya.

Menurut kenyataan bersama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi dan KKS, program dilaksanakan selama tiga bulan bermula April ini dan ia terhad untuk 15 peserta.

Katanya, objektif program untuk memberikan latihan, meningkatkan keupayaan daya saing usahawan dan membantu meningkatkan pendapatan golongan OKU.

"Program ini memberi peluang yang baik kepada peserta untuk mendapatkan kemahiran kulinari secara praktikal dan bimbingan yang khusus. Para peserta tidak perlu bimbang tentang kos penyertaan kerana ia akan ditanggung sepenuhnya,"katanya.

Tambahnya, program terbuka kepada mereka yang mempunyai minat dalam bidang kulinari, warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas, OKU kategori masalah pembelajaran, fizikal atau pendengaran serta pendapatan isi rumah tidak melebihi RM5,250.

Borang permohonan boleh dimuat turun melalui pautan <https://bit.ly/BorangCentre4PwD> dan peserta yang hendak mendaftarkan diri boleh berdaftar di pautan <https://bit.ly/DaftarCentre4PwD>. Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi melalui nombor 03-61368200. – UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



My Say: Reframing narratives on women and development

By Adam Firouz / The Edge Malaysia

05 Mar 2025, 01:30 pm



This article first appeared in Forum, The Edge Malaysia Weekly on March 3, 2025 - March 9, 2025

Women have long played a pivotal role in Malaysia's development, yet they remain disadvantaged. Their labour force participation has stagnated at around 55% — well below that of men — and they earn less than men on average. They remain under-represented in managerial and leadership positions while over-represented in precarious, low-wage jobs — especially jobs considered “feminine”. This is despite making gains in education to the extent of even surpassing men in higher education achievement.

This points to entrenched gender norms that have limited women's advancement, particularly as they continue to shoulder the brunt of unpaid care work for their families. Thus, a critical question is raised: Have Malaysia's policy strategies failed not only in implementation but also in their underlying philosophy?

While Malaysia's policies consistently aim to empower women, the framing of women's roles as economic resources for economic growth and the neglect of care work redistribution may have inadvertently reinforced the very norms and structures that limit women's advancement. As policies create and reinforce public discourse, they can shape public perceptions and societal norms that influence gender roles, perpetuating women's subordination.

Chronology of women and development in Malaysia

During Malaysia's early post-independence era up to the 1970s, development strategies were gender-blind and focused on economic growth and modernisation. Women were subsumed under family planning programmes to slow population growth, such that “women were expected to contribute to nation-building by raising levels of modernity and nationalism in their families rather than through participation in the formal workforce”, University of Wollongong's Vicki Crinis reports in a study. Women's work in agriculture was ignored, especially in the context of family labour.

The following decade saw an important turning point, with the 1970s seeing the introduction of the New Economic Policy and the shift to export-oriented industrialisation. The NEP was notable because it marked a regime change from laissez-faire to one of increased state intervention, aimed at eradicating poverty and eliminating racial differences following the racial riots in 1969. Hence, the focus was on racial differentials and less on gender.

Nonetheless, the era saw large numbers of women entering the workforce. Newly established industries employed more women than men, coinciding with how both capitalists and the state preferred women for their “small hands” and their “willingness to give equal service for less pay”. As such, industrialisation was as much “women-led as export-led”, to cite Crinis.

However, the concerns and rights of women were sidelined by their commodification to attract foreign investment and capitalist expansion. Women workers continued to be viewed for their sexuality; not only as mothers but as daughters whose sexuality must be controlled. Malay women's involvement in factory work was not looked upon favourably due to its association with “immorality” and westernism. Despite improved educational and economic opportunities, women were relegated to secondary, low-paying jobs. The burden of childcare remained solely on working women, and inadequate childcare services forced many to leave the labour force after having children.

The transition to the 1990s was more notable with the launch of the National Policy for Women in 1989, the first “Women in Development” chapter in the Sixth Malaysia Plan (6MP) (1991-1995) and the establishment of the Ministry of Women, Family and Development in 1991 (which later became the Ministry of Women, Family and Community Development in 2001). The two documents aimed to integrate women in development, including in the sharing of resources and opportunities. Importantly, they noted the concentration of women in labour-intensive low-paying jobs, the competing responsibilities of women in family and career, and the role of social norms. They also noted the importance of sharing in family responsibilities and began promoting family-friendly work policies, such as tax exemptions for workplaces which establish childcare centres.

Successive Malaysia Plans continued to encourage women's employment with supporting measures, especially in care provision. For example, the 7MP (1996-2000) institutionalised flexible working arrangements through amendments to the Employment Act. The 9MP (2006-2010) set a target of 30% women in decision-making positions, while the 10MP (2011-2015) set an explicit target for female labour force participation. The 12MP is notable for beginning to promote paternity leave.

However, despite the wider promotion of the women's agenda and care issues, some problematic themes have emerged due to the approaches and narratives promoted by policies.

Women as resource for economic development and superficial empowerment

For the past few decades, women have been consistently framed as instrumental for the wider goals of economic development, particularly through their participation in the labour force. However, this instrumentalisation tends to sideline women's well-being and risks ignoring the causes of their subordination, including the imbalanced power relations that shape the unequal access to economic resources and the gendered division of labour.

Women's economic participation has also been promoted by policy as a way to empower themselves, but their empowerment is often still framed as a means to enhance societal contributions rather than for their own well-being. For example, in the 11MP, empowerment is mentioned as part of “empowering communities for a productive and prosperous society”. In the 12MP, statements to empower women fall under the banner of “empowering the role of women”, suggesting a preferred empowerment of roles rather than of women themselves. Overall, the use of the concept of empowerment is never preceded by a definition, suggesting that the term has been misappropriated and depoliticised in policy as a buzzword. True empowerment would require enabling women to exercise strategic agency over their lives and challenge systemic power imbalances.

Policies also lack specificity on addressing key issues like gender wage gaps and the prevalence of women in precarious, low-paid or informal work. Although some acknowledgement has been made of women turning to informal work (only in the 9MP), their purported solution was hardly confrontational as it did not explicitly seek to fundamentally challenge the reasons for women's concentration in informal work. It only proposed (vaguely) to expand social protection but this has been inadequately implemented. Meanwhile, the promotion of women entrepreneurship is a recurring strategy to boost labour participation, but it risks replicating the issues of informal work. Efforts to enhance women's representation in decision-making roles, such as the 30% target set in the 9MP for public sector leadership, fail to address the root causes of under-representation, namely power dynamics and gender norms. While the identification of the public sector as a platform for change may signal a pathway for change, the lack of integration with private-sector initiatives signals a lack of confrontation. Such measures are akin to superficial “add women and stir” approaches that fail to meaningfully challenge existing inequalities or power structures.

The framing of women as an untapped economic resource also marginalises their existing contributions, whether productive or reproductive. This is exemplified by the 12MP, which states that “women will be empowered to play a more significant role in society”, suggesting that women have played not only an insignificant role in the economy, but in society at large, thereby undervaluing their overall labour.

Care work as women's work

In promoting women's economic participation, the Malaysia Plans have consistently considered women's unpaid responsibilities, but their framing suggests that care work is the duty of women alone with the role of men obscured. The terms “men” or “father” are never used nor is there consistently a call for the redistribution of care work, if ever (especially in the current 12MP). Solutions instead have centred around introducing care services and flexible working arrangements targeting women, as is seen in the 9MP and 10MP (but interestingly omitted in the 12MP when promoting women's economic participation).

The only instances where statements may apply to men are when gender-neutral terms like “parent” or “family” are used, but it is far from explicitly calling out men. Given the inherent patriarchal structure of society, such a gender-neutral approach would only serve to perpetuate or leave unchallenged the gendered norms that subordinate women. Only in the 12MP do we see an explicit call for paternity leave in the private sector.

Conclusion

Malaysia's development policies have evolved from implicitly subsuming women's productive and reproductive roles to explicitly incorporating them as agents of economic growth. However, the prevailing incorporation has been framed largely within an instrumentalist narrative, treating women's contributions as economic assets primarily for the purposes of economic development rather than holistically advancing gender justice.

For Malaysia to truly empower women, future policies must embrace a holistic view of gender equality, addressing not only workforce participation but also the structural barriers that limit women's agency and power imbalances. This includes recognising and valuing unpaid care work, challenging occupational segregation and fostering shared caregiving responsibilities.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kes dera mati budak tiga tahun, suami isteri disambung reman

Asrol Awang
am@hmetro.com.my



Ketua Polis Daerah Kuantan, ACP Wan Mohd Zahari Wan Busu.

Kuantan: Polis mengesahkan pasangan suami isteri yang ditahan bagi membantu siasatan kes pengabaian seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun yang dilaporkan meninggal dunia pada 20 Februari lalu, disambung reman seminggu lagi.

Ketua Polis Daerah Kuantan Asisten Komisioner Wan Mohd Zahari Wan Busu berkata, suspek disambung reman sehingga 12 Mac hadapan.

"Polis mendapat perintah sambung reman terhadap pasangan berusia 25 dan 31 tahun itu bagi membolehkan siasatan lanjut mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001 dilakukan.

"Empat lagi lagi individu berusia 17 hingga 44 tahun yang turut ditahan reman sebelum ini dibebaskan dengan jaminan polis," katanya tadi.

Pada 26 Februari lalu, polis menahan enam individu, termasuk pasangan suami isteri susulan kematian kanak-kanak perempuan.

Berdasarkan laporan, pegawai perubatan Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini menerima seorang pesakit kanak-kanak perempuan kerana tidak sedarkan diri kira-kira 10 malam, 19 Februari lalu.

Pemeriksaan fizikal ke atas badan mangsa mendapati terdapat kesan lebam di kedua-dua belah tangan dan kaki yang ketika itu mangsa ditempatkan di zon merah untuk pemeriksaan susulan.

Bagaimanapun, kanak-kanak berkenaan meninggal dunia pada keesokannya (20 Februari lalu).